



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MALAYSIA KOMITED PERKUKUH INSTITUSI KELUARGA SEMPENA SAMBUTAN HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2025

PUTRAJAYA, 15 MEI – Hari Keluarga Antarabangsa disambut pada 15 Mei setiap tahun dan tema sambutan tahun ini ialah **"Dasar Berorientasikan Keluarga untuk Pembangunan Lestari: Menuju Sidang Kemuncak Dunia Kedua untuk Pembangunan Sosial 2025"**. Tema ini menekankan peranan penting keluarga dalam mencapai pembangunan sosial yang mampan dan memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat global.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab mengurusperdanakan kesejahteraan keluarga di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memainkan peranan penting dalam menerajui pelaksanaan Dasar Keluarga Negara (DKN) dan pelan tindakannya. Dasar ini memberi penekanan kepada pembangunan keluarga yang berdaya tahan, sejahtera dan mampan. KPWKM dan LPPKN kini dalam proses mengemas kini Dasar Keluarga Negara (DKN) yang baru agar kekal relevan dan responsif terhadap perubahan ekonomi, demografi dan sosial, demi menyokong kesejahteraan keluarga serta menjayakan aspirasi Malaysia MADANI yang inklusif dan progresif.

Dalam konteks pembangunan negara, salah satu inisiatif di dalam DKN iaitu Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) terus dijadikan sebagai salah satu Indikator Petunjuk Prestasi Keberhasilan (KPI) Nasional dalam rancangan pembangunan negara sejak Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pengukuran ini terus dijadikan sasaran pada RMK-12 dan dijangka akan terus digunakan pada RMK-13 yang akan bermula pada tahun 2026.

Bersempena Kepengerusian Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, KPWKM melalui LPPKN telah dipilih sebagai *Focal Point* untuk terlibat dalam projek ***Collaboration on Understanding the State of ASEAN Families***. Usahasama dalam kalangan anggota ASEAN ini merupakan usaha secara kolektif dalam mengangkat martabat institusi keluarga sebagai unit asas utama di dalam masyarakat negara ASEAN.

Malaysia mengiktiraf peranan penting institusi keluarga sebagai tunjang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara yang inklusif serta lestari. KPWKM percaya bahawa keluarga ialah teras kepada pembangunan masyarakat dan merupakan ejen perubahan yang penting dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Oleh itu, pendekatan berasaskan keluarga perlu terus diperkuat dan diberi keutamaan dalam semua aspek dasar dan pembangunan negara.

Sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2025 ini, KPWKM menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus menghargai dan memperkukuh institusi keluarga sebagai asas kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 Mei 2025**